

Zulamivudine Tablets 150mg

Lamivudine 150mg

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Zulamivudine Tablet 150
2. Bagaimana Zulamivudine 150 berfungsi
3. Sebelum menggunakan Zulamivudine 150
4. Cara menggunakan Zulamivudine 150
5. Semasa menggunakan Zulamivudine 150
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Zulamivudine 150
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang
10. Pemegang Pendaftaran Produk

Apakah kegunaan Zulamivudine Tablet 150

Zulamivudine Tablet 150 digunakan untuk rawatan HIV dalam golongan orang dewasa dan kanak-kanak yang dijangkiti dengan kombinasi dengan agen anti-retroviral lain.

Bagaimana Zulamivudine 150 berfungsi

Lamivudine mengurangkan jumlah virus dalam badan anda, dan memastikan ia pada tahap yang rendah. Ia juga meningkatkan bilangan sel CD4 dalam darah anda. Sel CD4 adalah sejenis sel darah putih yang penting dalam membantu badan anda untuk melawan jangkitan.

Sebelum menggunakan Zulamivudine 150

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan ambil jika:

Anda mempunyai alahan terhadap Lamivudine atau mana-mana bahan-bahan lain dalam Lamivudine.

Jika di atas berkenaan dengan anda, berbincang dengan doktor atau ahli farmasi.

- Sebelum mula menggunakan Zulamivudine

Sebelum menggunakan ubat ini, sila beritahu doktor atau pembekal penjagaan kesihatan anda jika

- Anda mempunyai penyakit hati, hepatitis B
- Anda mempunyai diabetes
- Anda mempunyai berat badan berlebihan
- Anda minum banyak alkohol secara kerap
- Anda mempunyai masalah buah pinggang

- Jika Mengambil Ubat- Ubat Lain

Sebelum menggunakan ubat ini, beritahu doktor atau pembekal penjagaan kesihatan anda jika anda mengambil mana-mana ubat yang berikut:

- Zidovudine (digunakan untuk merawat jangkitan HIV)
- Trimethoprim / sulphamethoxazole, antibiotik.
- Zalcitabine (digunakan untuk merawat jangkitan HIV).

Cara menggunakan Zulamivudine 150

- Berapa banyak harus digunakan

Sila ambil ubat ini seperti yang dipreskripsi oleh doktor anda. Dos dewasa yang disyorkan untuk Lamivudine 150mg adalah seperti berikut:

-Berat dewasa yang sekurang-kurangnya 30 kg : 300mg setiap hari.

-Kanak-Kanak berumur melebihi tiga bulan dan berat kurang daripada 30kg :
Untuk berat kanak- kanak antara 21 kg hingga 30kg : Ambil 75mg pada waktu pagi dan 150mg pada waktu petang.
Untuk berat kanak- kanak antara 14kg hingga 21 kg; Ambil 75mg dua kali sehari.

Ubat Lamivudine harus ditelan tanpa dihancurkan . Jika dos di bawah 150 mg diperlukan, produk lain mempunyai bentuk dos dan kekuatan Lamivudine yang diluluskan harus digunakan.

- Bila untuk Mengambil

Gunakan seperti yang diarahkan oleh doktor anda atau ahli farmasi.

- Berapa Lama untuk Mengambil

Teruskan pengambilan Zulamivudine 150 selagi diarahkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Jika anda secara tidak sengaja tidak mengambil satu dos, maka ambil dos selanjutnya.

Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang terlepas atau terlupa.

- Jika anda berhenti mengambilnya

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan lanjut mengenai penggunaan ini produk ini, hubungi doktor atau pegawai farmasi anda.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera untuk nasihat.

Semasa Mengambil Zulamivudine 150mg

- Perkara yang perlu dilakukan

Lamivudine boleh diambil dengan atau tanpa makanan.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Lamivudine tidak mungkin menjejaskan keupayaan anda untuk memandu atau menggunakan mesin.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Mengandung dan menyusukan anak
Wanita yang sedang hamil atau bercadang untuk hamil harus berunding dengan doktor mereka sebelum mengambil Zulamivudine 150 . Doktor anda akan menilai sama ada anda boleh mengambil Zulamivudine 150 pada masa ini. Zulamivudine boleh mengalir ke dalam susu ibu. Anda perlu berjumpa dengan doktor anda sebelum mengambil Zulamivudine 150.

Kesan-kesan sampingan

Sama seperti ubat lain, Lamivudine boleh menyebabkan kesan sampingan untuk sesetengah orang, tetapi bukan semua orang yang mengalaminya. Sila hentikan pengambilan Lamivudine and dapatkan bantuan perubatan dengan

kadar segera jika anda mempunyai mana-mana kesan sampingan seperti berikut:

- Sakit kepala, kelesuan dan keletihan
- Demam dan mengigil
- Rasa loya
- Muntah
- Kurang atau peningkatan selera makan
- Cirit birit
- Sakit perut
- Pening
- Kemurungan
- Susah untuk tidur (insomnia)
- Gangguan saraf
- Batuk dan masalah berkaitan dengan hidung
- Ruam
- Sakit dan sengal otot
- Sakit sendi

Jika kesan sampingan menjadi semakin serius, atau jika anda mempunyai kesan sampingan yang tidak disenaraikan di dalam risalah ini, sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda dengan segera

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (Consumers → Reporting).

Cara penyimpanan dan pelupusan Zulamivudine 150

- Penyimpanan

'Simpan di bawah suhu 30°C di tempat yang kering. Lindungi daripada cahaya.'

Simpan ubat ini daripada capaian kanak-kanak.

- Pelupusan

Jangan buang sebarang ubat melalui air kumbahan atau buangan sisa rumah. Tanya ahli farmasi bagaimana untuk membuang ubat yang anda tidak lagi digunakan. Langkah-langkah ini akan membantu untuk melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Kapsul berwarna putih dan berbentuk bikonveks film bersalut, mempunyai

skor di satu sisi permukaan dan 'ML 1' diukir di sisi permukaan lain tablet.

Pek pukal (60 Biji)

Terdapat 60 biji di dalam bekas HDPE yang kemudian dibungkus bersama-sama dengan risalah ubat.

Apakah kandungan Zulamivudine 150

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Lamivudine

- Bahan tidak aktif

Microcrystalline cellulose (PH 101), Sodium starch glycolate, Purified water, Microcrystalline cellulose (RQ 101), Magnesium stearate, Opadry White (13B58802)

- Nombor MAL

MAL No: *****

Pengilang

MACLEODS

PHARMACEUTICALS LTD.

Plot No. 25 - 27, Sr. No. 366,
Premier Ind. Estate, Kachigam,
Daman (U,T), India
Off. : Atlanta Arcade, Church Road,
Andheri-Kurla Road, Andheri (East)
Mumbai - 400059. INDIA.

Pemegang Pendaftaran Produk

Zulat Pharmacy SDN. BHD.,

No. 23& 23A, Jalan Bandar 3,
Taman Melawati, 53100,
Kuala Lumpur, Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

15/03/2017